

08 AUG 1997

Mahathir-Asean

REMAJA ASEAN PERLU DIPIMPIN SECARA ASEAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini remaja Asean perlu dipimpin secara yang terbaik mungkin supaya mereka dapat memberi sumbangan kepada masa depan rantau ini.

"Marilah kita pimpin mereka secara Asean dan dengan semangat Asean supaya mereka akan menjadi rakyat Asean yang baik, bertanggungjawab dan berguna," kata beliau dalam perutusannya sempena dengan ulangtahun Asean ke-30 yang disiarkan oleh RTM malam ini.

Beliau berkata pengalaman memimpin Asean selama 30 tahun ini sepatutnya digunakan oleh para pemimpin untuk menunjuk jalan kepada mereka yang akan mengambil alih tanggungjawab mewujudkan Asean yang baik dan lebih sepadu.

"Sekiranya penduduk ialah aset kita, remaja kita ialah pelaburan yang paling baik untuk masa depan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata oleh kerana dunia sekarang lebih kompleks dan lebih mencabar, para pemimpin Asean perlu mengimbas kembali mengenai sesetengah masalah dan kesusahan masa lampau supaya tidak diulangi.

Katanya: "Ketika kita berdiri di ambang Abad ke-21 kita perlu bersedia sepenuhnya untuk mengurus cabaran yang akan mengiringi alaf baru itu.

"Dengan mempunyai sikap yang betul, pengetahuan dan komitmen, dan mengambil pengajaran dari masa lampau Asean, kita akan dapat menghadapi cabaran-cabaran yang bakal muncul". kata beliau.

Dr Mahathir berkata Malaysia bangga menjadi anggota Asean dan menyumbang sesuatu ke arah kejayaan persatuan serantau itu.

"Kita komited penuh kepada matlamat dan ideal Asean dan kita yakin Asean akan mencapai kemajuan yang lebih lagi di masa depan," katanya.

Beliau juga berkata banyak yang telah dicapai hasil dari semangat Asean, membuat sesuatu dengan cara Asean, yang bermakna mengamalkan rundingan dan mencari kata sepakat dengan mengawal diri dan saling menghormati.

Dr Mahathir berkata: "Ada masa-masa kewujudan dan kesepaduan kita diuji, tetapi kita sentiasa dapat mengatasinya dan menjadi lebih kuat.

"Dalam semua perkara yang kita lakukan, semangat bersatupadu Asean sentiasa diamalkan dan ini telah menjadi pedoman kita."

Kata beliau Asean akan terus membelai dan menyuburkan prinsip ini untuk memastikan kemakmuran dan kekuatan yang lebih lagi.

"Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut ulangtahun ke-30 Asean kepada semua warga Asean," katanya.

Presiden Suharto dari Indonesia berkata pertubuhan itu perlu meneruskan usaha untuk mengatasi pelbagai masalah keselamatan yang bukan sahaja mengancam kestabilan serantau tetapi juga kemakmuran dan kerancakan ekonomi yang dinikmati masa kini.

Dalam perutusan sempena sambutan itu, beliau berkata anggota-anggota Asean perlu memperkukuhkan ketahanan nasional masing-masing yang seterusnya memperkukuhkan ketahanan serantau dan juga memainkan peranan untuk menyatukan ekonomi-ekonomi di rantau ini.

Suharto berkata sekretariat Asean yang lebih kuat akan menjadikan saluran yang berkesan untuk membolehkan anggota-anggota Asean menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku hari ini.

Beliau juga berharap kuasa-kuasa nuklear dunia dapat memberikan sumbangan bermakna ke arah mewujudkan keselamatan serantau dengan turut serta dalam perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara.

Pemimpin Indonesia itu berkata Asean perlu mengekalkan dan meningkatkan kesepakatan, dinamisme dan keiltizam diri untuk memainkan peranan utama dalam Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) dan forum antarabangsa yang lain.

Presiden Fidel Ramos dari Filipina pula berkata kejayaan dan kekuatan Asean diperolehi daripada komitmentnya kepada prinsip-prinsip fundamental seperti keputusan secara konsensus dan penyelesaian perbalahan menerusi rundingan secara damai.

Beliau berkata perundingan yang sering kali diadakan berhubung keselamatan serantau seperti Forum Serantau Asean (ARF) merupakan kaedah pilihan pertubuhan itu ke arah keamanan.-- Bernama

MAM oba